

# Trans Resources, Ahmad Zaki, Apex dianugerah pakej MRT

**KUALA LUMPUR** – Mass Rapid Transit Corp (MRT Corp) telah menganugerahkan tiga pakej stesen untuk projek MRT Sungai Buloh-Kajang dengan nilai keseluruhan RM563 juta.

Anugerah itu dibuat selepas mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC) di Putrajaya di sini semalam yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Menurut kenyataan MRT Corp, ia menjangkakan pakej selebihnya akan dianugerahkan sebelum akhir tahun.

“OSPC menganugerahkan Trans Resources Corp Sdn. Bhd. (Trans Resources) bagi pakej S1 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan lain-lain kerja berkaitan di Sungai Buloh,

Kampung Baru Sungai Buloh dan Kota Damansara.

“Kontrak itu bernilai RM283.7 juta,” katanya.

Selain itu, OSPC juga menganugerahkan Ahmad Zaki Sdn. Bhd. (Ahmad Zaki) bagi pakej S6 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan lain-lain kerja berkaitan di Taman Suntext, Taman Cuepacs dan Bandar Tun Hussein Onn di sini yang mana nilai kontrak tersebut ialah sebanyak RM174.6 juta.

MRT Corp menerangkan, pakej S7 yang merupakan pembinaan dan penyiapan stesen Balakong dan Taman Koperasi di sini telah dimenangi oleh Apex Communication Sdn. Bhd. (Apex).  
– Bernama